

Kejayaan remeh tak perlu masuk MBOR

Pencapaian dalam sesuatu bidang patut cermin kredibiliti sebenar rakyat Malaysia

BH 6/8/07 M19

Laporan Khas

Oleh Azrul Affandi Sobry

KEJAYAAN dan pencapaian remeh tidak harus dimasukkan ke dalam *Malaysia Book Of Records* (MBOR). Ini ditegaskan beberapa pemimpin pertubuhan yang mewakili golongan muda di negara ini sebagai mengulas kecenderungan pelbagai pihak mahu mencipta rekod dalam apa saja bidang kemahiran yang tidak mencerminkan kredibiliti sebenar rakyat Malaysia.

Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata pihak yang mengendalikan buku itu perlu mencari satu mekanisme lain dan mengasingkan semua pencapaian remeh daripada buku berkenaan.

Beliau memberi contoh, pencapaian seperti mencipta kek terbesar, pulut kuning terpanjang dan pelbagai lagi pencapaian seumpamanya tidak wajar diangkat sebagai rekod kerana sesuatu rekod dianggap satu penanda aras pencapaian yang mencahar mana-mana pihak untuk memecahkannya.

"Adalah sesuatu yang tidak sihat apabila rakyat negara ini berlumba-lumba memecahkan 'rekod' seumpamanya dengan membelanjakan sejumlah wang besar sedangkan ia tidak mencerminkan kredibiliti rakyat. Tambahan pula, pencapaian seumpama itu lebih bersifat materialistik kerana sesiapa saja yang kaya mampu melaburkan sejumlah wang dan mengupah seramai mungkin individu untuk mencipta rekod demi me-



Noraini Ahmad


cipta rekod semata-mata bagi meraih keuntungan atau mempromosikan syarikat mereka.

"Mustahil sesuatu rekod yang dicipta oleh sesebuah syarikat itu tidak ada tujuan komersial walaupun mereka menafikan wujud elemen perniagaan dalam pelaksanaan rekod mereka. Biasanya apa yang dilakukan mereka bertujuan mempromosikan nama syarikat dan meraih keuntungan melalui penajaan," katanya.

Selain itu, pemantauan pihak kerajaan amat penting bagi memastikan setiap pencapaian yang benar-benar berkualiti, mempunyai objektif yang relevan serta mendatangkan impak positif saja layak diangkat sebagai rekod Malaysia.



Abdul Rahman Dahlan



Shamsul Anuar Nasarah


Antara pencapaian rakyat Malaysia yang menakjubkan:



Tun Mahathir

1 Rakyat pertama tawan puncak Everest - **M Magendran dan N Mohanadas**

2 Pendaki puncak Everest termuda - **Ahmad Redzuan Rozali dan Muhamad Muqharabbin**



Azhar Mansor

3 Perenang pertama merentas

naikkan nama individu atau syarikat mereka," katanya.

Ketua Puteri Umno, Datuk Noraini Ahmad, pula berkata idea remeh dalam menghasilkan sesuatu pencapaian tidak boleh diangkat sebagai rekod, malah jauh sekali dianggap menyahut cabaran Malaysia Boleh.

Beliau berkata, ada antara pencapaian yang dihasilkan terlalu bersifat material kerana mengutamakan sumber kewangan dalam pelaksanaannya. Justeru, pencapaian sebegitu layak digelar 'duit boleh' dan bukan Malaysia Boleh.

"Sewajarnya, rakyat negara ini yang mahu mencipta sebarang rekod mesti lebih fokus menghasilkan sesuatu pencapaian yang benar-benar boleh mengangkat maratabat Malaysia, seterusnya menunjukkan kepada seluruh dunia kemampuan sebenar rakyat negara ini.

"Ini tidak, apa yang mereka hasilkan terlalu mudah dan remeh. Orang kampung pun kalau ada duit boleh buat, malah mereka mungkin tidak sedar kemungkinan ada pelancong yang ketawa melihat rakyat negara ini menghasilkan sesuatu yang remeh. Jangan nanti ada pula buat rekod yang pelik seperti mengumpul cacing terbanyak," katanya.

Justeru, beliau meminta pihak penguasaan Buku Rekod Malaysia lebih matang dan memikirkan mekanisme sesuai bagi meningkatkan kredibiliti buku berkenaan supaya tidak diperlekehkan.

Bagaimanapun, bagi perenang marathon negara, Datuk Abdul Malik Maidin, sudah sampai masanya Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengambil inisiatif untuk memikirkan satu mekanisme terbaik memantau dan merekodkan setiap pencapaian luar biasa rakyat negara ini supaya boleh diiktiraf berkualiti serta memenuhi standard tersendiri.

Katanya, KBS perlu mendokumenkan sendiri setiap rekod rakyat negara ini dan tidak terlalu mengharapkan syarikat atau agensi lain melakukannya kerana ia pasti akan lebih bersifat komersial.

Beliau berkata, pemantauan secara serius oleh pihak kerajaan amat penting bagi memastikan tidak ada individu atau syarikat mengambil kesempatan untuk men-

Namun, pada masa sama, pencapaian berunsur aktiviti kerakyatan juga tidak boleh dipinggirkan kerana ia juga memainkan peranan positif dalam membentuk semangat kerjasama di kalangan masyarakat.

"Kita kena terima hakikat bahawa bukan semua orang suka dengan aktiviti lasak kerana ada di kalangan masyarakat lebih gemar dengan aktiviti gotong-royong atau kemasyarakatan seperti membuat pulut kuning terpanjang dan sebagainya. Walaupun ia tidak seperti rekod yang saya dan rakan lain lakukan, pencapaian seumpama itu perlu juga diiktiraf, tetapi dalam bentuk dan buku yang lain.


"Jangan pula semuanya dirangkum dalam satu buku yang sama sehinggakan membuka peluang kepada banyak pihak menyalahgunakan MBOR untuk kepentingan peribadi. Keadaan menjadi lebih buruk apabila pihak media pula seakan menyokong dengan memberi liputan besar-besaran ke atas pencapaian sebegini," katanya.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Datuk Shamsul Anuar Nasarah, berkata pihak pengurusan Buku Rekod Malaysia perlu melihat pelbagai aspek sebelum mengiktiraf sesuatu pencapaian sebagai rekod Malaysia.

Antaranya, pencapaian itu tidak akan membawa sebarang makna sekiranya individu atau syarikat terbabit menagih simpati dan sumbangan kewangan pihak lain sebelum mereka sendiri berusaha mencapainya.

"Ada sesetengah pencipta rekod terlalu mudah memperoleh sumbangan hanya dengan mengumumkan keinginan mencipta sesuatu pencapaian, sedangkan mereka sendiri tidak menunjukkan keazaman serta berusaha sendiri, mereka tidak berkari dalam proses mencipta kejayaan.

"Kebelakangan ini pula, banyak syarikat yang cenderung memberikan sumbangan setiap kali ada individu ingin mencipta rekod, malah tidak dapat dinafikan ada ketikanya sumbangan yang diperoleh jauh lebih tinggi daripada perbelanjaan menghasilkan rekod itu sendiri," katanya.




Ahmad Redzuan Rozali



Muhamad Muqharabbin



Abdul Malik Maidin



M Magendran dan N Muhanadas

3 Perenang pertama merentas Selat Inggeris - **Datuk Abdul Malik Maidin**

4 Perenang Selat Inggeris terpantas - **Lennard**

5 Pelayar solo pertama mengelilingi dunia - **Datuk Azhar Mansur**

6 Wanita pertama merentasi Antartika secara solo - **Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir**

7 Pemain skuasy pertama menduduki kedudukan teratas dunia - **Nicol David**


8 Penerbit filem wanita pertama - **Datuk Maria Menado**

9 Perdana Menteri paling lama berkhidmat - **Tun Dr Mahathir Mohamad**

10 Pasukan bola sepak pertama layak ke Olimpik - **Pasukan Olimpik Munich 1972**



Lennard



Nicol David



Maria Menado



Mokhtar Dahari